



GELANDANGAN: KUALA LUMPUR DAN TANGGUNGJAWAB BANDAR RAYA

Oleh : Azlan Zambry
Jurufoto : Shazni Mahzan

Kuala Lumpur sering dipersembahkan sebagai wajah kemajuan Malaysia, sebuah bandar raya yang bergerak pantas, dipacu pertumbuhan ekonomi, infrastruktur moden dan keterhubungan global. Imej pencakar langitnya menjadi pernyataan keyakinan nasional juga melambangkan aspirasi yang berdiri sebaris dengan kota-kota utama dunia.

Seperti kebanyakan bandar raya abad ke-21, kemajuan ini turut melahirkan cabaran sosial yang semakin kompleks dan berlapis. Di celah lorong belakang, di bawah jejantas dan di pinggir ruang awam yang sibuk, masih wujud kelompok insan yang hidup di luar arus utama pembangunan dan sistem kehidupan normal. Mereka bukan sekadar fenomena kebajikan atau isu sementara, tetapi indikator penting tentang sejauh mana sesebuah bandar mampu mengimbangi pertumbuhan dengan keadilan sosial.

Isu gelandangan sering disempitkan kepada perbincangan penguatkuasaan atau bantuan segera. Hakikatnya, ia adalah persoalan tadbir urus bandar, tentang pembahagian peranan antara agensi, kejelasan mandat undang-undang, serta kesiediaan sebuah bandar raya memikul

tanggungjawab moral terhadap golongan paling rentan. Di banyak bandar dunia, cara isu ini ditangani menjadi ukuran senyap kepada kematangan kepimpinan dan daya tahan sosial jangka panjang.

Di Antara Mandat dan Nurani

Dalam kerangka perundangan Malaysia, pengurusan golongan gelandangan dan orang papa tertakluk di bawah Akta Orang Papa 1977 (Akta 183), yang meletakkan tanggungjawab utama kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Akta ini menyediakan asas perlindungan, pemulihan dan penempatan semula, serta menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan intervensi kebajikan. Namun realitinya, ia jarang bergerak mengikut sempadan peruntukan undang-undang semata-mata. Sebagai pentadbir Kuala Lumpur yang berhadapan secara langsung dengan kehidupan harian kota, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak dapat mengelak daripada implikasi isu ini, bahawa daripada kebersihan dan keselamatan awam, hinggalah kepada kestabilan sosial serta imej bandar di mata pelabur, pelancong

dan komuniti antarabangsa.

Di sinilah peranan DBKL perlu difahami secara lebih matang dan tuntas. DBKL bukan sekadar pentadbir dan penyelenggara jalan, bangunan serta perkhidmatan bandar, tetapi institusi yang bertanggungjawab memastikan pembangunan fizikal tidak terpisah daripada realiti kemanusiaan. Walaupun tidak diwajibkan secara langsung oleh undang-undang untuk mengurus gelandangan, DBKL memilih untuk terlibat secara proaktif melalui kerjasama antara agensi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial sebuah bandar raya moden.

Pendekatan ini diterjemahkan melalui pelaksanaan inisiatif tersusun, termasuk operasi lapangan yang menyantuni golongan gelandangan secara bersepadu. Sepanjang tahun 2025, DBKL bersama agensi berkaitan melaksanakan enam siri operasi KL Strike Force. Operasi ini tidak digerakkan dengan matlamat menghukum, tetapi untuk mengenal pasti, menyelamatkan dan memulihkan individu yang hidup di jalanan. Hasilnya, seramai 505 individu telah dikenal pasti dan dibawa keluar daripada kehidupan tanpa



perlindungan.

Mereka kemudiannya ditempatkan di pusat-pusat perlindungan yang diselia DBKL dengan kerjasama rakan agensi, termasuk Pusat Khidmat Gelandangan (PKG) Medan Tuanku, Pusat Transit Gelandangan (PTG) Anjung Kembara dan Anjung Singgah. Di pusat-pusat ini, intervensi tidak terhenti pada penyediaan tempat berteduh dan makanan, sebaliknya memfokuskan pembinaan semula rutin hidup yang lebih teratur, merangkumi kebersihan diri, kesihatan asas, sokongan emosi dan bimbingan sosial.

Sebahagian daripada penghuni turut mengikuti Program Kem Kecemerlangan Minda dan Fizikal (AKAL) di Gemencheh, Negeri Sembilan, yang dilaksanakan dua kali setahun. Program ini menekankan disiplin diri, kesedaran sendiri dan nilai kerja. Melalui kerjasama dengan PERKESO dan agensi pekerjaan berdaftar, beberapa peserta berjaya memperoleh peluang pekerjaan dan memulakan kehidupan yang lebih berdikari. Pendekatan ini turut mencerminkan peralihan falsafah kebajikan bandar, daripada bantuan bersifat sementara kepada pemulihan jangka sederhana yang lebih berstruktur.

Apabila Kebajikan Menjadi Ujian Tadbir Urus

Mengurus kebajikan sosial di tengah kepadatan bandar raya menuntut keseimbangan yang teliti antara empati dan ketertiban awam. DBKL berdepan realiti bahawa agihan makanan yang tidak teratur boleh mencetuskan kesesakan, pencemaran serta risiko keselamatan. Justeru, diperkenalkan konsep Agihan Berpusat sebagai langkah menyusun semula aktiviti bantuan agar lebih terancang, selamat dan bermaruah.

Melalui pendekatan ini, agihan makanan dijalankan secara berjadual di lokasi yang ditetapkan seperti PKG Medan Tuanku, Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit, PTG Anjung Kembara dan Anjung Singgah. Langkah ini bukan bertujuan menyekat niat murni pihak yang ingin membantu, tetapi memastikan kebajikan disalurkan secara bertanggungjawab tanpa menjejaskan keharmonian ruang awam. Sebagai pelengkap, DBKL turut memasang papan tanda larangan memberi makanan di beberapa kawasan tumpuan serta melaksanakan rondaan kebersihan secara berkala.

Pendekatan penguatkuasaan pula dilaksanakan secara berhemah dan berperikemanusiaan, berasaskan nasihat serta pemujukan, bukannya kekerasan. Kerjasama rapat dengan JKM, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memastikan setiap tindakan selari dengan undang-undang serta prinsip kemanusiaan. Disiplin dan empati digerakkan seiring, kerana pentadbiran bandar yang matang memahami bahawa peraturan tanpa kebijaksanaan hanya akan menjarakkan masyarakat daripada penyelesaian sebenar.

Pendekatan DBKL ini selari dengan trend global tadbir urus bandar, khususnya di rantau ASEAN, di mana keterangkuman sosial semakin dilihat sebagai prasyarat kepada daya saing dan kelestarian bandar. Bandar raya berdaya tahan bukan hanya diukur melalui pertumbuhan ekonomi, tetapi melalui keupayaannya melindungi mereka yang paling mudah tercedir daripada sistem.

Inilah detik yang akan menentukan wajah sebenar Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya. Di satu sisi, ia terus menekan pedal pertumbuhan dan daya saing global. Di sisi lain, ia berdepan tuntutan untuk membentuk model bandar yang lebih berperikemanusiaan dan berdaya tahan. Cara DBKL mengurus dan menyusun isu gelandangan berada dalam batas undang-undang, namun dengan kesedaran moral ia menjadi cerminan nilai sebenar yang ingin dibawa oleh ibu kota negara ini. Akhirnya, ujian sebenar sebuah bandar raya moden bukan terletak pada apa yang berjaya dibina, tetapi pada siapa yang dilindungi dalam proses pembinaannya. Kuala Lumpur benar-benar telah berjaya meniti diantara keduanya, sekali gus terserlah makna kemajuan yang lebih matang bahawa sebuah bandar raya yang bukan sahaja terus membina masa depan, tetapi turut memelihara setiap warga yang berlindung di dalamnya.

